



TARIKH	SELASA, 03 DISEMBER 2019
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	PEGAWAI KERAJAAN PERLU TEGUR GOLONGAN MISKIN BERUBAH
M/S	24
BIDANG	CIVIL SERVANT
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

Pegawai kerajaan perlu tegur golongan miskin berubah

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad mahu pegawai kerajaan menegur golongan miskin supaya berusaha mengatasi kemiskinan mereka dengan meningkatkan sumber pendapatan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan komited menyediakan pinjaman wang modal dan latihan berkaitan perniagaan bagi membantu mereka keluar daripada garis kemiskinan.

"Tetapi, mereka mestilah menyambut usaha kita seperti yang digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

"Kerajaan tidak boleh terus-menerus menghulurkan bantuan wang kepada rakyat miskin kerana tindakan itu tidak akan menjadikan mereka kaya," ka-

tanya pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di Bangunan Putra Perdana di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Perdana Menteri berkata, negara ini bermasalah kerana keadaan penduduk berbilang kaum di samping jurang pendapatan yang jauh berbeza sehingga menghalang negara maju.

"Kita mesti menukar cara menerima masalah dan mengatasi kemiskinan. Jangan tunggu bantuan kewangan kerana jika tunggu bantuan kerajaan dan bergantung dengannya pasti tidak selamat sedangkan yang miskin punya banyak masa untuk berusaha menambah sumber pendapatan.

"Ada satu kaum maju dan pada masa sama, ada yang ketinggalan. Keadaan ini tidak sihat bagi negara kerana akan mencacatkan usaha memajukan negara.

"Dulu Korea Selatan negara miskin, mereka belajar daripada kita dan hari ini mereka jauh meninggalkan kita sebagai negara maju bersama Jepun dan China," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, negara tidak akan selamat jika jurang kemiskinan semakin melebar seperti yang berlaku di negara Eropah suatu ketika dahulu.

Kata beliau, Korea Selatan sudah jauh meninggalkan Malaysia sebagai negara maju dengan pendapatan perkapita penduduk adalah AS\$36,000 berbanding rakyat negara ini hanya



DR Mahathir bersama Timbalannya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pada Perhimpunan Bulanan JPM di Dataran Putra, Putrajaya.

AS\$10,000.

"Kerana itu kita adakan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang mahu merapatkan jurang antara miskin dan kaya," katanya.

Beliau berkata, rakyat Malaysia perlu bersyukur kerana negara tidak menempuh apa-apa kebangkitan revolusi akibat kemiskinan seperti di Eropah.

Dr Mahathir berkata, jurang luas antara miskin dan kaya boleh menggugat kemakmuran dan keamanan negara.

"Apabila berlaku revolusi, pihak yang miskin dapat mengambil alih negara supaya mereka dapat menolong diri mereka, inilah yang kita lihat berlaku dalam sejarah, tapi kita bersyukur ia tidak berlaku di negara kita," katanya.

Perdana Menteri mahu pegawai kerajaan menghebahkan kepada rakyat miskin kenapa mereka perlu berusaha dan bekerja keras untuk mengatasi kemiskinan mereka.

"Harap ambil perhatian masalah kemiskinan jadi batu penghalang terhadap kemajuan dan usaha untuk jadi negara maju," katanya.

DISEDIAKAN
OLEH

1-MOHD SHA AFFANDI BIN MD ARIPI (N41), BPM
2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM
UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM